

# PM fokus kerjasama, bina daya tahan ekonomi serantau

Anwar berhasrat guna APEC sebagai platform ketengah situasi di Palestin

**Sharanjit Singh**

bhnews@bh.com.my

di San Francisco, AS



**San Francisco:** Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Minggu Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang bermula hari ini, dijangka menekankan kepentingan kerjasama serantau dan membina daya tahan ekonomi rantau ini dalam keadaan cabaran pasca pandemik dan geopolitik.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut diiringi Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC ke-30 di sini yang berlangsung hingga Jumaat.

Dalam lawatannya, Anwar turut diiringi isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Pejabat Perdana Menteri menjelaskan, menerusi pertemuan dengan pemimpin APEC atas platform pelbagai hala dan dua hala sempena pertemuan itu, Anwar berhasrat menyetengahkan situasi di Palestin dalam usaha meraih sokongan global, akses kemanusiaan dan penyelesaian yang adil.

Perdana Menteri juga akan mengambil peluang untuk berkongsi keutamaan dan prinsip Malaysia mengikut Rangka Kerja Ekonomi MADANI, menekankan keterangkuman, pembangunan mampan dan kerjasama untuk kemakmuran bersama, jelasnya dalam kenyataan.

“Perdana Menteri juga dijadualkan mengetuai delegasi Malaysia ke Dialog Tidak Rasmi Pemimpin Ekonomi APEC bersama

tetamu, iaitu pemimpin Colombia, Fiji dan India; Dialog Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dengan Pemimpin Ekonomi APEC dan Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) APEC 2023.

“Pembabitian dalam acara ini akan memberi peluang kepada Anwar menyatakan perspektif Malaysia mengenai ekonomi global semasa dan bertukar pandangan mengenai isu serantau yang mendesak dengan CEO berpengaruh, usahawan dan pemimpin APEC,” katanya.

#### Sertai IPEF

Pejabat Perdana Menteri juga memaklumkan Anwar akan menyertai Mesyuarat Kedua Pemimpin Kerangka Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF).

Antara acara penting pada lawatan kali ini adalah Perdana Menteri akan menyampaikan syarahan umum kepada pelajar dan sarjana di University of California, Berkeley dengan memfokuskan kepada *Superpower Rivalry and Rising Tensions in the Asia-Pacific - The View from Southeast Asia*.

Dalam memberikan gambaran keseluruhan keadaan geopolitik, Anwar juga akan menyentuh mengenai demokrasi, kebebasan berlembagaan dan Islamofobia.

Pejabat Perdana Menteri berkata, selaku Pengerusi APEC 2023, Amerika Syarikat akan

menjadi tuan rumah Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) buat kali ketiga, selepas 1993 dan 2011 di Blake Islands dan Honolulu.

Tahun ini, Presiden Joseph R Biden akan mempengerusikan AELM dan dijangka mengetuai perbincangan dengan pemimpin APEC mengenai topik yang berpusat kepada pengukuhan hubungan ekonomi; meningkatkan keterangkuman dan kemampanan; dan mengukuhkan daya tahan dan kerumitan ekonomi; selaras tema APEC 2023, “Membina Masa Depan yang Berdaya Tahan dan Mampan untuk Semua”.

“AELM ke-30 dijangka menerima pakai Deklarasi Golden Gate 2023 Pemimpin APEC, yang mencerminkan komitmen Ekonomi APEC dalam menangani cabaran global dan memajukan usaha ke arah merealisasikan Visi Putrajaya 2040 APEC,” katanya.

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan, penerimaan Deklarasi Golden Gate ini adalah penting kerana menekankan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan Ekonomi APEC, terutama yang berkaitan dengan kebimbangan berterusan antara lainnya, krisis iklim dan gangguan rantaian bekalan.

Sebelum kembali ke tanah air, Perdana Menteri akan menjadi hos makan malam dengan diaspora serta pelajar Malaysia yang berada di San Francisco.